



KONTINJEN UiTM meraikan kejayaan mereka apabila muncul juara keseluruhan pada Kejohanan Sukan Masum Fasa Dua yang berlangsung di USIM, Nilai, baru-baru ini.

Juara keseluruhan

UiTM pertahankan kejuaraan sukan Masum 2010

UiTM meneruskan penguasaannya dalam acara pencak silat apabila berjaya memungut kutipan pingat tertinggi iaitu enam emas, dua perak dan tiga gangsa, diikuti Usim dengan enam emas dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dua emas, empat perak dan lima gangsa di Dewan Gemilang, UKM.

Begitu juga dengan tae

kwon do, UiTM muncul juara keseluruhan dengan tujuh emas, satu perak dan satu gangsa diikuti Universiti Malaysia Sabah, empat emas, dua perak dan tiga gangsa.

Penguasaan UiTM bagaimanapun disekat Universiti Malaya (UM) yang berjaya memenangi pingat emas dalam acara catur lelaki dan wanita. UM turut menjuarai bola keranjang lelaki

apabila menumpaskan UiTM dengan jaringan tipis 63-60 manakala dalam acara wanita, UPM membelasah Universiti Utara Malaysia (UUM) 62-32 untuk pingat emas.

UPM unggul pada saingan boling padang wanita namun untuk kategori lelaki dijuarai Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) pada saingan akhir.

Acara kriket lelaki yang berlangsung di Bayuemas Oval menyaksikan saingan sengit dengan UKM menumpaskan UIAM, 12-9.

Kejohanan berkenaan mendapat sambutan dengan penyertaan lebih 5,000 atlet dan pegawai serta 120 sukarelawan sepanjang berlangsung.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah diisern-

INFO

KEPUTUSAN ACARA SUKAN MASUM FASA 2

Futsal (lelaki)

UiTM lwn UIAM

4-2

Futsal (wanita)

UiTM lwn USM

2-0

Catur (lelaki)

UM (23), UIAM (20), UKM (18)

Catur (wanita)

UM (18), UiTM (16.5), UKM (14)

Pencak Silat

UiTM

Bola keranjang (lelaki)

UiTM lwn UM

60-63

Bola keranjang (wanita)

UPM lwn UUM

62-32

Bola baling (lelaki)

UiTM lwn UPSI

16-13

Bola baling (wanita)

UiTM lwn UPSI

6-5

Boling padang (lelaki)

Unimas

Boling padang (wanita)

UPM

Taekwondo

UiTM

Kriket (lelaki)

UKM lwn UIAM

12-9

purnakan, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.